



Ruj Kami :JP.BBT.207/ SAFE/14/624(G) (1)

Tarikh : 22 Oktober 2021

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/ Puan,

**PENDAFTARAN PENGILANG /PENGEKSPORT MAKANAN KE CHINA BAGI TUJUAN
PENGEKSPORTAN KE CHINA SELEPAS JANUARI 2022**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC) telah mengeluarkan peraturan baru yang mewajibkan semua pengilang dan pengeksport yang mengeksport produk pertanian, penternakan, perikanan dan makanan ke China perlu berdaftar dengan GACC.

3. Sehubungan dengan itu semua pengilang dan pengeksport yang berniat untuk mengeksport produk-produk dalam kategori tersebut hendaklah berhubung dengan pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia berhampiran bagi tujuan pendaftaran dengan kadar segera kerana bermula Januari 2022 hanya pengilang dan pengeksport yang berdaftar dengan GACC sahaja boleh mengeksport produk-produk tersebut ke China

4. Pendaftaran ini adalah penting bagi memudahkan pengilang/ pengeksport mengeksport produk-produk tersebut ke China pada masa akan datang.

Sekian. Terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Rosawati

(ROSMAWATI BINTI SELAMAT)

Pengarah

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

b.p Ketua Pengarah Jabatan Pertanian



s.k.

1. Ketua Seksyen
Seksyen Akreditasi dan Fasilitasi Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
2. Ketua Unit
Unit Perakuan Fitosanitasi dan CITES
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
3. **Semua Pejabat Pengeluar Sijil Fitosanitasi**
4. Simpanan Fail